

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA
HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSA [KETEREH]**

TARIKH : 7 NOVEMBER 2019

SOALAN

TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSA [KETEREH] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah yang dimaksudkan dengan perkhidmatan awam yang membebaskan dan adakah saiz perkhidmatan awam akan dikecilkan bagi mengurangkan bebanan kewangan.

JAWAPAN : YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN, TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah keseluruhan perjawatan perkhidmatan awam pada masa kini adalah sebanyak 1.71 juta dengan pengisian sebanyak 1.57 juta (91.5%) yang merangkumi perkhidmatan awam persekutuan, badan berkanun persekutuan, perkhidmatan awam negeri, badan berkanun negeri dan pihak berkuasa tempatan.

Kerajaan berpandangan jumlah perjawatan ini boleh dikurangkan tanpa menjejaskan prestasi penyampaian perkhidmatan supaya selaras dengan sasaran yang ditetapkan di dalam RMKe 11 iaitu mencapai saiz perkhidmatan awam kepada penduduk dengan nisbah 1:20 berbanding 1:19 pada masa sekarang.

Sehubungan itu, Kerajaan dalam proses untuk menstrukturkan semula jumlah perjawatan dalam perkhidmatan awam berdasarkan kedudukan ekonomi negara dan perkembangan teknologi semasa melalui pelbagai kaedah/mekanisme dan langkah antaranya kajian pertindihan fungsi antara jabatan/agensi, rasionalisasi perjawatan, pengoptimuman sumber manusia, serah urus fungsi (*outsourcing*), penyampaian perkhidmatan alternatif (*Alternative Service Delivery*), penswastaan, penggunaan teknologi dan pengisian jawatan secara berhemah mengikut keperluan. Perjawatan yang dikenal pasti untuk dimansuhkan adalah termasuk jawatan kosong yang tidak diperlukan, jawatan di agensi yang mempunyai pertindihan fungsi dan jawatan bagi perkhidmatan yang boleh diautomasi, diserahkan fungsi (*outsourcing*) serta yang boleh digantikan perkhidmatan alternatif.

Sehubungan itu, Kerajaan menjangkakan ianya tidak akan memberi kesan kepada tugas-tugas sedia ada memandangkan jawatan yang dimansuhkan ini merupakan jawatan yang tidak diperlukan dan tidak melibatkan penyandang sedia ada. Tiada pengurangan kakitangan awam sedia ada dalam pelaksanaan dasar ini. Bagi maksud ini, Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Cadangan Rasionalisasi Jabatan/Agensi yang diterajui oleh Kementerian Kewangan Malaysia dan Jabatan Perkhidmatan Awam bagi mengenal pasti pertindihan fungsi antara jabatan/agensi dan mencadangkan jabatan/agensi tersebut dirasionalisasikan termasuk penswastaan.

Kerajaan juga berhasrat untuk mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan di sektor swasta dengan gaji yang lebih lumayan bagi mengurangkan pergantungan rakyat terhadap pekerjaan di sektor awam. Sehubungan itu, melalui konsep penswastaan, fungsi-fungsi tertentu yang

NO SOALAN : 30

dilaksanakan oleh jabatan/agensi kerajaan yang boleh menjana hasil secara konsisten dan berdaya maju adalah berpotensi untuk diswastakan. Melalui penswastaan, keupayaan dan kemampuan untuk menjana pendapatan sendiri dapat dipertingkatkan serta mengurangkan pembiayaan kerajaan terhadap perbelanjaan operasi jabatan/agensi berkenaan.

Dengan perkembangan teknologi terkini, Kerajaan percaya perkhidmatan awam akan lebih produktif apabila pembaziran dihapuskan, pengagihan sumber dilaksanakan dengan cekap dan guna tenaga diganti dengan penggunaan teknologi maklumat serta komputer. Sektor awam sewajarnya hanya memfokuskan kepada penyediaan dasar utama, menentukan arah dan penyediaan perkhidmatan serta tidak terbabit secara aktif dalam aktiviti ekonomi perdagangan di Malaysia.

Sekian, terima kasih